

2 MAC 2018

10 warga Thailand ditahan

Rumah sewa jadi stor simpanan, pusat pengedaran ketum

10 warga Thailand ditahan

Oleh AHMAD SHAHERMAN
SHAMSURI

SHAH ALAM – Kegiatan 10 warga Thailand menjadikan sebuah pangsapuri di Seksyen 17 sebagai stor simpanan dan pengedaran daun ketum akhirnya terbongkar selepas diserbu polis kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira pukul 3.30 petang itu, polis turut merampas kira-kira 42 kilogram daun ketum yang belum diproses, 35 bungkus air ketum dan 82 botol ubat batuk dianggarkan bernilai RM3,462.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Baharuddin Mat Taib berkata, siasatan awal pihaknya mendapati kesemua 10 suspek yang terdiri daripada sembilan lelaki dan seorang wanita itu menjadikan rumah sewa terbabit sebagai



BAHARUDDIN (dua dari kanan) menunjukkan air ketum yang siap direbus dan dicampur ubat batuk yang dirampas pada sidang akhbar di IPD Shah Alam semalam.

stor simpanan dan pusat pengedaran ketum sejak enam bulan yang lalu.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati suspek yang

berusia antara 17 hingga 51 itu memperoleh bekalan daun ketum itu dari sebuah negeri di utara tanah air dan dipercayai untuk edaran

sekitar daerah ini.

“Mereka sebenarnya bekerja di kedai makan di sekitar daerah ini dan menjadikan kediaman itu sebagai markas untuk memproses air ketum.

“Mengikut harga pasaran semasa, air ketum yang siap diproses dijual pada harga RM10 sebungkus, daun ketum pula dijual pada RM35 dan ubat batuk antara RM15 hingga RM20 sebotol,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) itu di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut merampas wang tunai lebih RM5,000 serta pasport negara Thailand milik kesemua suspek.

“Semakan kita juga mendapati kesemua mereka telah tinggal lebih masa di negara ini kerana pas mereka sudah tamat tempoh,” ujarnya.